



Kata Alu- Aluan
PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Muafakat Johor.

Mendahului ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak sekolah atas penerbitan majalah sekolah tahun 2017 ini. Saya percaya dan yakin bahawa penerbitan majalah ini adalah hasil kerjasama dan komitmen yang tinggi seluruh kulawangsa sekolah dalam usaha meraih kejayaan demi kejayaan di sekolah. Bahan penerbitan ini merupakan manifestasi bahawa pihak sekolah sentiasa komited, bertanggungjawab, dan amanah dalam mengurus dunia pendidikan yang semakin mencabar. Bagi pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor, segala usaha murni penerbitan majalah ini amatlah dihargai.

Menelusuri era globalisasi yang serba kompetitif ini banyak kemahiran yang perlu dikuasai oleh warga pendidik. Setiap warga pendidik seharusnya komited meneruskan legasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) untuk menjadikan pendidikan Negeri Johor bertaraf dunia. Transformasi pendidikan ini bermatlamat melengkapkan setiap murid di negara kita dengan segala kemahiran baharu yang diperlukan oleh mereka untuk merebut peluang dan menangani cabaran abad ke-21.

Kendatipun begitu, setiap murid pula seharusnya melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran untuk kemandirian diri yang cemerlang. Tuntutan untuk memastikan keberhasilan dan kemenjadian murid berlaku secara aktif agar tercapai Enam Aspirasi Abad Ke-21 iaitu **berpengetahuan, mempunyai kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, memiliki etika dan kerohanian, serta mempunyai identiti nasional** yang diperlukan oleh murid untuk bersaing di peringkat global. Jadikanlah alam persekolahan sebagai wadah untuk melengkapkan diri bagi berdepan dengan sebarang arus perubahan pada abad baharu ini.

Justeru, misi kudsi untuk menjadikan 'Johor Showcase' dalam Pembelajaran Abad Ke-21 berjaya direalisasikan andainya semua warga pendidik di negeri Johor komited dalam melaksanakan Pembelajaran Abad Ke-21 di sekolah masing-masing. Marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam usaha "Memacu Transformasi Pendidikan : Membina Modal Insan Bertaraf Dunia" melalui "Kerja Berkualiti Ibadah Dihayati".

Sekian, terima kasih.

HAJI SHAHARUDIN BIN SHARIF
PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI JOHOR